

# MODEL DIPLOMASI NABI SULAIMAN 'ALAIHISSALAM DALAM AL-QURAN: ANALISIS TAFSIR TEMATIK TERHADAP STRATEGI KEPIMPINAN BERTERASKAN WAHYU

**DIPLOMACY MODEL OF PROPHET SULAIMAN (PEACE BE UPON HIM) IN THE QUR'AN: A THEMATIC TAFSIR ANALYSIS OF LEADERSHIP STRATEGIES BASED ON DIVINE REVELATION**

Mhd Faizal Mhd Ramli<sup>1\*</sup>  
Hasan Al-Banna Mohamed<sup>2</sup>  
Elmi Baharuddin<sup>3</sup>  
Najjah Salwa Abd Razak<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
(E-mail: mhd.faizal@upnm.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA (E-mail: hasanalbanna@upnm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(E-mail: elmi@upnm.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
(E-mail: najjah@upnm.edu.my)

\*Corresponding author: mhd.faizal@upnm.edu.my

## Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

## To cite this document:

Ramli, M. F. M., Mohamed, H. A. B., Baharuddin, E. & Razak, N. S. (2025). Model diplomasi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam dalam al-Quran: Analisis tafsir tematik terhadap strategi kepimpinan berteraskan wahyu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 216 - 232.

**Abstrak:** Diplomasi merupakan seni kepimpinan yang menuntut kebijaksanaan dalam komunikasi, rundingan dan penyelesaian konflik secara harmoni. Dalam al-Quran, Nabi Sulaiman 'Alaihissalam digambarkan sebagai seorang nabi dan raja yang unggul bukan sahaja dalam aspek ilmu dan ketenteraan, malah turut menonjol dalam keupayaan diplomatiknya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara induktif melalui kaedah kajian kepustakaan bagi meneliti strategi diplomasi Nabi Sulaiman berdasarkan Surah al-Naml (27:15–44), Surah al-Anbiya' (21:79–82), Surah Saba' (34:12–14), dan Surah Sad (38:20–38). Analisis teks dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran berserta tafsir klasik dan kontemporari bagi memahami peranan Nabi Sulaiman sebagai tokoh diplomasi unggul, khususnya dalam mengurus hubungan pelbagai pihak secara strategik. Kajian ini juga meneliti penerapan prinsip-prinsip diplomasi dalam gaya kepemimpinan baginda serta potensi aplikasinya dalam konteks kepimpinan masa kini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa model diplomasi Nabi Sulaiman berpaksikan ketundukan kepada Allah SWT, nilai etika yang tinggi, komunikasi berkesan, pengurusan konflik yang adil serta sifat rendah hati (tawaduk). Model

ini menawarkan perspektif baharu terhadap diplomasi Islam sebagai pendekatan kepimpinan yang berteraskan keimanan dan kesejahteraan sosial.

**Kata Kunci:** diplomasi, Nabi Sulaiman 'Alaihissalam, Al-Quran, kepimpinan profetik, strategi diplomatik, hubungan antarabangsa

**Abstract:** *Diplomacy is a leadership art that requires wisdom in communication, negotiation, and harmonious conflict resolution. In the Qur'an, Prophet Sulaiman (peace be upon him) is portrayed not only as a prophet and a king endowed with knowledge and military prowess but also as a prominent figure in diplomatic acumen. This study employs a qualitative inductive approach through library research to examine the diplomatic strategies of Prophet Sulaiman based on Surah al-Naml (27:15–44), Surah al-Anbiya' (21:79–82), Surah Saba' (34:12–14), and Surah Sad (38:20–38). Textual analysis is conducted on selected Qur'anic verses alongside classical and contemporary tafsir to understand the role of Prophet Sulaiman as an exemplary diplomatic figure, particularly in managing multi-party relations strategically. The study also explores the application of diplomatic principles in his leadership style and its relevance in today's leadership context. Findings reveal that Prophet Sulaiman's diplomacy model is rooted in submission to Allah SWT, high ethical standards, effective communication, just conflict management, and humility (tawaduk). This model offers a fresh perspective on Islamic diplomacy as a leadership approach grounded in faith and social well-being.*

**Keywords:** diplomacy, Prophet Sulaiman (peace be upon him), Qur'an, prophetic leadership, diplomatic strategy, international relations

## Pendahuluan

Diplomasi dalam perspektif Islam melangkaui batasan konvensional yang sering didefinisikan sebagai seni mengurus hubungan antarabangsa. Sebaliknya, ia merupakan manifestasi nilai-nilai ketuhanan yang berpaksikan kepada keadilan, hikmah, dan kebenaran, sebagaimana digariskan dalam wahyu Ilahi (al-Qaradawi, 2001). Sepanjang sejarah peradaban Islam, prinsip-prinsip ini menjadi teras kepada keberkesanannya tadbir urus dan hubungan antarabangsa berteraskan keimanan dan etika.

Dalam konteks ini, Nabi Sulaiman 'Alaihissalam tampil sebagai sosok kenabian dan pemimpin negara yang menggabungkan keilmuan, kekuasaan, dan kebijaksanaan secara cemerlang. Strategi diplomatik Baginda menonjol melalui keupayaan mengurus maklumat, komunikasi strategik, serta pendekatan diplomasi yang bijaksana dan berhemah. Peristiwa interaksi Baginda dengan Ratu Balqis yang dirakamkan dalam Surah al-Naml menunjukkan model hubungan antarabangsa berteraskan wahyu, dengan penekanan kepada prinsip penghormatan, kebijaksanaan politik, dan keutamaan kesejahteraan kolektif (Mulyadi & Firdaus, 2023; Nafal, et al., 2024).

## Sorotan Literatur

Sorotan terhadap literatur sedia ada menunjukkan bahawa diplomasi moden sering dikaitkan dengan kemahiran berunding, penyelesaian konflik secara damai, serta kefahaman terhadap konteks politik, ekonomi dan sosial (Hasan et al., 2014). Namun begitu, pendekatan diplomatik Nabi Sulaiman 'Alaihissalam memperlihatkan satu bentuk integrasi unik antara rasionaliti dan petunjuk wahyu. Penyelidikan terdahulu menyokong pandangan ini daripada pelbagai dimensi.

Ghani (2023) menekankan peranan kesyukuran sebagai asas kepada pembangunan berdasarkan keimanan. Sementara itu, kajian oleh Imam dan Soleh (2023) serta Naseha et al. (2020) menyorot penggunaan gaya bahasa estetik dalam naratif diplomasi al-Quran. Dalam dimensi kepimpinan, Jamil (2018) dan Makruf (2022) menampilkan solidariti sosial sebagai komponen strategik yang diamalkan oleh Nabi Sulaiman dalam tadbir urus. Kajian Hasan et al. (2014) pula memperincikan strategi pengumpulan maklumat melalui interaksi dengan burung hud-hud sebagai elemen perisikan diplomatik, manakala Nahar et al. (2024) mengetengahkan kepentingan komunikasi interpersonal dalam misi kenegaraan.

Selain itu, Rahmat (2023) dan Razak & Tanzeh (2024) mencadangkan pendekatan servant leadership sebagai kerangka konseptual yang relevan untuk menilai kembali kepimpinan Nabi Sulaiman dalam konteks semasa. Maka, kajian ini bertujuan untuk meneliti strategi diplomasi Nabi Sulaiman berasaskan analisis ayat-ayat al-Quran yang terpilih, serta mengkaji prinsip komunikasi, pengurusan maklumat dan nilai-nilai kenabian dalam mengurus hubungan antarabangsa berteraskan keimanan dan integriti.

## Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis kandungan secara induktif, berfokus kepada tafsir tematik (al-tafsir al-mawduiy) untuk meneroka prinsip, strategi, dan nilai-nilai diplomatik yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran yang menggambarkan kepimpinan Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam. Pendekatan induktif dipilih kerana ia membenarkan eksplorasi yang lebih terbuka dan bebas terhadap teks wahyu, tanpa dibatasi oleh hipotesis yang terlalu ketat.

Sumber utama kajian adalah al-Quran, khususnya Surah al-Naml (27:15–44), Surah al-Anbiya’ (21:79–82), Surah Saba’ (34:12–14), dan Surah Sad (38:20–38). Untuk memperkaya penafsiran, kajian ini merujuk kepada tafsir klasik seperti al-Tabari (2007), al-Qurtubi (2006), Ibn Kathir (1999), al-Razi (2003), dan al-Alusi (2005). Selain itu, tafsir kontemporari daripada tokoh seperti Ibn ‘Asyur (1997), dan al-Sya‘rawi (1991) turut digunakan untuk memahami konteks semasa dan aplikasinya dalam dunia moden.

Kaedah analisis teks diterapkan untuk mengkaji, mengkod, dan mengkategorikan tema utama dalam ayat-ayat yang dianalisis. Bagi meningkatkan ketepatan interpretasi, triangulasi sumber dilakukan melalui perbandingan tafsir klasik, tafsir kontemporari, dan kajian akademik moden dalam bidang diplomasi Islam, komunikasi strategik, dan kepimpinan berasaskan wahyu. Teknik sintesis tematik digunakan untuk merumuskan prinsip-prinsip diplomasi Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam yang dapat diaplikasikan dalam kerangka kepimpinan dan diplomasi kontemporari. Gabungan pendekatan ini diharapkan dapat menghasilkan pemahaman yang holistik, kritis, dan aplikatif terhadap model diplomasi Quranik yang berteraskan integriti, hikmah, dan strategi maklumat.

## Analisis dan Perbincangan

Kajian ini membincangkan enam subtema strategik yang mencerminkan pelbagai dimensi diplomasi Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam, yang boleh dijadikan model dalam amalan diplomasi kontemporari. Subtema-subtema tersebut adalah: Kurniaan Ilmu dan Kefahaman sebagai Asas Diplomasi, Kepimpinan Multinasional dan Interaksi Merentas Entiti Alam, Diplomasi Berasaskan Komunikasi Strategik, Keadilan sebagai Teras Diplomasi, Kekuasaan Material dan Diplomasi Ekonomi, dan Tawaduk dan Ketundukan kepada Allah.

## Asas Kelayakan Diplomasi: Ilmu dan Kefahaman dalam Perspektif Tradisional dan Moden

Dalam tradisi Qurani, kelayakan seorang pemimpin dalam arena diplomasi bukan hanya bergantung pada kekuasaan atau kebijaksanaan strategik semata-mata, tetapi diasaskan secara mutlak kepada keluasan ilmu dan kefahaman kontekstual. Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menjadi manifestasi unggul kepada prinsip ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Naml:

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu kepada Daud dan Sulaiman, lalu keduanya berkata: 'Segala puji bagi Allah yang melebihkan kami atas kebanyakan hamba-hamba-Nya yang beriman.'"*

(al-Naml, 27:15)

Para sarjana tafsir seperti al-Razi (2003), Ibn 'Asyur (1997), dan al-Sya'rawi (1991) berpandangan bahawa keunggulan sebenar kepimpinan terletak pada kurniaan ilmu, yang mendasari keadilan dan kebijaksanaan dalam pemerintahan. Ini bertentangan dengan naratif realiti politik moden yang sering mengutamakan kekuatan ketenteraan atau dominasi geopolitik sebagai ukuran kejayaan diplomatik.

Al-Razi (2003) menyatakan bahawa perbezaan antara "*hukm*" dan "*ilm*" mengisyaratkan satu bentuk pemikiran reflektif (*reflective thinking*) dalam kepimpinan: bukan sekadar membuat keputusan berdasarkan literal hukum, tetapi mengadaptasikannya secara kontekstual berdasarkan situasi dan keperluan masyarakat (Ramli et al., 2022). Ini seiring dengan prinsip adaptive leadership dalam teori kepimpinan kontemporari.

Peristiwa pertikaian antara dua individu yang dikemukakan kepada Nabi Daud 'Alaihissalam, dan seterusnya diputuskan semula oleh Nabi Sulaiman 'Alaihissalam sebagaimana tercatat dalam Surah al-Anbiya':

*"Lalu Kami memberikan pemahaman (yang mendalam) kepada Sulaiman; dan kepada masing-masing (Dāwūd dan Sulaiman) Kami berikan hikmah dan ilmu."*

(al-Anbiyā', 21:79)

Meskipun kedua-duanya dianugerahkan *hukm* (kebijaksanaan hukum) dan '*ilm*' (ilmu pengetahuan), Allah SWT secara khusus menyatakan bahawa Nabi Sulaiman dikurniakan *tafhim*, iaitu kefahaman mendalam dalam menyelesaikan permasalahan tersebut (Al-Tabari, 2007).

Secara kritikal, kajian terhadap pendekatan diplomatik Nabi Sulaiman menawarkan satu alternatif yang signifikan terhadap paradigma diplomasi realis moden. Pendekatan ini menonjolkan bahawa kelangsungan pengaruh dalam hubungan antarabangsa lebih bergantung kepada integrasi ilmu, hikmah, dan kefahaman budaya, berbanding semata-mata bergantung kepada penggunaan kuasa keras. Ini sekali gus menegaskan bahawa dalam perspektif al-Quran, mata wang sebenar dalam bidang diplomasi ialah kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan, bukannya kekuasaan atau penanaman rasa takut.

Sebagai kesimpulan, kelayakan diplomasi menurut model Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menuntut kombinasi empat elemen utama: (i) keluasan ilmu, (ii) kefahaman kontekstual, (iii) keadilan moral, dan (iv) kebijaksanaan komunikasi. Keempat-empat elemen ini membentuk

kerangka integratif bagi kejayaan diplomasi antara kaum, makhluk, dan tamadun yang tetap relevan dalam era globalisasi dan hubungan antarabangsa masa kini.

### Kepimpinan Multinasional dan Keupayaan Merentasi Entiti Alam

Kepimpinan Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam tampil sebagai suatu bentuk pemerintahan luar biasa yang merentas batas-batas konvensional manusawi. Baginda tidak hanya memimpin manusia, bahkan turut diberi kawalan terhadap jin, haiwan dan angin dalam satu bentuk kuasa yang membentuk sistem pentadbiran multientiti dan multidimensi. Keistimewaan ini bukan sekadar manifestasi mukjizat, tetapi menzahirkan kebolehan mengurus pelbagai makhluk secara harmoni dalam satu kerangka kuasa yang sistematik, inklusif dan berpaksikan wahyu.

Allah SWT berfirman:

*“Dan Sulaiman mewarisi (kerajaan) Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajarkan pengertian percakapan burung dan kami dianugerahi segala sesuatu. Sungguh, (semua ini) benar-benar satu kurnia yang nyata.”*

(al-Naml, 27:16)

Ayat ini menggambarkan keluasan ilmu dan keupayaan baginda mentafsir komunikasi pelbagai makhluk, termasuk burung. Kemampuan ini mencerminkan kecerdasan pelbagai dimensi serta kecekapan komunikasi antara budaya (cross-cultural communication) yang menjadi asas penting dalam kepimpinan strategik hari ini (Jamil, 2018; Naseha et al., 2020). Keupayaan mentafsir maklumat dari pelbagai saluran komunikasi sama ada secara verbal, non-verbal dan simbolik telah memperlihatkan betapa kepimpinan baginda melangkaui keperluan asas teknikal ke arah kefahaman psikologi dan bahasa makhluk.

Keupayaan Nabi Sulaiman memahami *mantiq al-tayr* (bahasa burung) seperti yang disebut dalam Surah al-Naml ayat 16 bukan hanya menunjukkan keajaiban mukjizat, tetapi juga menggambarkan dimensi kecerdasan kontekstual iaitu keupayaan untuk membaca dan memahami isyarat halus dalam persekitaran berbilang makhluk.

Menurut al-Tabari (2007), konsep "warisan" dalam ayat ini meliputi ilmu kenabian dan kebijaksanaan pemerintahan, bukan sekadar harta dunia. Ibn Kathir (1999) pula menekankan bahawa kemampuan Nabi Sulaiman berinteraksi dengan makhluk lain memberi kelebihan strategik dalam membina perhubungan melangkaui sempadan tradisi manusia biasa. Ini memperlihatkan bentuk awal kepada konsep soft power dalam diplomasi: pengaruh yang berasaskan ilmu, nilai, dan kebijaksanaan, bukannya paksaan atau kekerasan. Dalam kerangka diplomasi moden, keupayaan ini serupa dengan kemahiran berinteraksi dengan pelbagai budaya dan sistem nilai, yang menjadi asas kepada rundingan rentas budaya.

### Kuasa ke atas Jin dan Tugas Khusus

Allah SWT berfirman:

*“Dan sebahagian jin ada yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan lain selain itu, dan Kami memelihara mereka.”*

(al-Anbiya', 21:82)

Ayat ini menggambarkan bagaimana Nabi Sulaiman mengarahkan tenaga kerja daripada kalangan jin untuk melaksanakan pelbagai tugas teknikal dan logistik. Ibn Kathir (1999) menafsirkan keupayaan ini sebagai simbol kepada kepimpinan berkesan dalam mengurus

sumber daya luar biasa dengan disiplin dan strategi tersusun. Sementara itu, al-Baghawi (2002) menegaskan bahawa kawalan terhadap jin bukan bersifat paksaan, tetapi berdasarkan sistem amanah dan keadilan. Model ini seiring dengan prinsip *governance by trust* dalam hubungan antara pemimpin dan pihak yang diperintah (Tschannen-Moran, 2004).

### Kuasa terhadap Angin dan Haiwan

Allah SWT juga berfirman:

*“Lalu Kami tundukkan kepadanya angin yang berhembus dengan perintahnya, ke mana sahaja dia kehendaki.”*

(Sad, 38:36)

Menurut al-Razi (2003), angin menjadi instrumen logistik strategik kepada Nabi Sulaiman, membolehkannya menjalankan misi ketenteraan, diplomatik dan pentadbiran secara pantas merentasi wilayah yang luas. Keupayaan ini menzahirkan kebijaksanaan dalam penggunaan sumber semula jadi bagi mencapai tujuan geopolitik dan hubungan antarabangsa.

Dalam masa yang sama, penglibatan haiwan seperti burung hud-hud turut berperanan penting dalam misi risikan diplomatik, sebagaimana disebut dalam Surah al-Naml (27:20–28). Al-Qurtubi (2006) menegaskan bahawa penggunaan makhluk ini berlaku dalam kerangka hikmah dan kepatuhan kepada wahyu, bukan dominasi mutlak manusia. Hal ini memperlihatkan bahawa setiap entiti manusia, jin, angin dan haiwan berfungsi dalam satu sistem pemerintahan bersepada yang dikawal oleh perintah dan kebijaksanaan wahyu.

Model kepimpinan Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam secara keseluruhannya mencerminkan sistem pentadbiran rentas sempadan yang bersifat holistik dan spiritual. Ia tidak hanya bersandarkan kepada kuasa fizikal, tetapi menekankan kebijaksanaan, keadilan dan kefahaman mendalam terhadap psikologi makhluk, pengurusan sumber dan perintah ilahi.

### Diplomasi Berasaskan Komunikasi Strategik

Keupayaan komunikasi menjadi teras dalam seni diplomasi, dan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mempersempahkan satu model komunikasi strategik yang menyeluruh melalui interaksi dengan hud-hud, penyampaian surat diplomatik kepada Ratu Saba', dan siri dialog diplomatik yang dijalankan secara penuh hikmah. Pendekatan baginda memperlihatkan keseimbangan antara ketegasan seorang pemerintah dan kebijaksanaan seorang nabi. Menurut Rahmat (2023), gaya kepemimpinan Nabi Sulaiman mencerminkan prinsip servant leadership, yang mengutamakan penyelesaian masalah melalui komunikasi strategik dan pendekatan damai.

### Hud-hud sebagai Agen Diplomatik dan Perisikan

Surah al-Naml (27:16–19) mengisahkan kebolehan Nabi Sulaiman memahami bahasa haiwan, termasuk interaksi baginda dengan seekor semut sebagai simbol empati dan komunikasi beretika, bahkan terhadap makhluk kecil. Allah berfirman:

*“Dan dia memeriksa burung-burungnya, lalu berkata: ‘Mengapa aku tidak melihat hud-hud? Adakah dia termasuk dalam kalangan yang tidak hadir?’”*

(Surah al-Naml, 27:20)

Pemantauan yang teliti terhadap tenteranya, termasuk pasukan burung, menunjukkan sistem kawalan yang sangat berdisiplin. Ibn Kathir (1999) menegaskan bahawa hud-hud berfungsi bukan sahaja sebagai pengintip udara, malah sebagai ejen perisikan yang mampu mengesan

lokasi sumber air iaitu suatu kemampuan yang sangat berharga dalam strategi ketenteraan dan diplomasi.

Teguran tegas Nabi Sulaiman 'Alaihissalam terhadap ketidakhadiran hud-hud (ayat 21) menggambarkan prinsip disiplin dalam tadbir urus, namun reaksi baginda terhadap laporan hud-hud (ayat 22-23) memperlihatkan sifat tathabbut (verifikasi maklumat) sebelum mengambil tindakan. Al-Alusi (2005) menyatakan bahawa pendekatan ini mencerminkan sifat sabar dan ketelitian seorang pemimpin strategik.

Laporan hud-hud tentang kerajaan Saba' dan ratu mereka menjadi titik tolak kepada langkah diplomatik Nabi Sulaiman. Firman Allah:

*"Kami akan lihat, apakah kamu benar ataukah kamu termasuk golongan yang berdusta."*

(Surah al-Naml, 27:27)

Peristiwa laporan burung hud-hud berkenaan Ratu Balqis menjadi contoh praktikal bagaimana Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mengamalkan penghakiman berdasarkan fakta dan verifikasi, bukan emosi atau sangkaan. Perkataan "Kami akan lihat" mencerminkan sikap berhati-hati dan keengganahan Baginda menerima maklumat tanpa penyelidikan. Sikap berhati-hati ini, menurut Ibn 'Asyur (1997), menunjukkan keutamaan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam terhadap prinsip verifikasi dalam membuat keputusan. Al-Razi (2003) pula menegaskan bahawa ayat ini menonjolkan objektiviti dan keadilan dalam diplomasi. Pendekatan tathabbut ini seiring dengan prinsip *data-driven diplomacy* yang menuntut kesahihan maklumat sebelum merangka dasar atau tindakan antarabangsa (Berridge, 2015; Melissen, 2005).

### **Surat Diplomatik kepada Ratu Saba'**

Dalam menangani isu penyembahan matahari oleh kaum Saba', Nabi Sulaiman 'Alaihissalam memilih jalur diplomasi damai berbanding konfrontasi ketenteraan. Baginda mengutuskan surat rasmi sebagai satu langkah strategik untuk menilai reaksi diplomatik Ratu Balqis sambil membuka ruang kepada penyelesaian spiritual dan politik. Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mengutus surat yang ringkas namun penuh makna. Dalam surat tersebut, baginda menulis:

*"Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. Janganlah kamu berlaku sombong terhadapku, dan datanglah kepadaku dalam keadaan berserah diri."*

(Surah al-Naml, 27:30-31)

Surat tersebut dimulai dengan Basmalah, satu penghormatan spiritual yang menggariskan prinsip rahmat, sebelum menyampaikan mesej yang jelas iaitu menolak keangkuhan dan mengajak kepada penyerahan diri kepada Allah. Al-Qurtubi (2006) berpendapat bahawa penggunaan Basmalah ini menanamkan mesej kasih sayang ilahi sebelum menyampaikan seruan tauhid. Menurut Ibn 'Asyur (1997), Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mengutamakan ketundukan spiritual berbanding kepatuhan politik semata-mata.

Al-Razi (2003) pula melihat gaya penulisan surat ini sebagai bentuk diplomasi yang menggabungkan ketegasan prinsip dengan kelembutan pendekatan serta memberi ruang kepada penerima untuk membuat keputusan secara rasional tanpa tekanan. Al-Sya'rawi (1991)

menegaskan bahawa bahasa yang digunakan menggabungkan elemen autoriti dan hikmah, mempamerkan seni komunikasi yang menyentuh akal dan hati.

Pendekatan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam membuktikan bahawa komunikasi yang baik tidak hanya bergantung pada isi kandungan mesej, tetapi juga pada cara penyampaiannya. Lebih daripada sekadar ajakan politik, surat ini juga mengandungi seruan kepada tauhid, mengajak Ratu Balqis untuk meninggalkan penyembahan matahari dan tunduk kepada perintah Allah SWT. Dalam ayat 27-31 Surah al-Naml, dapat dilihat bahawa Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menguasai seni komunikasi diplomasi, di mana mesej disusun dengan keseimbangan antara kekuatan, kesopanan, dan kebijaksanaan (Ramlie et al., 2022).

### **Dialog dengan Ratu Saba': Psikologi dan Simbolisme Diplomatik**

Rundingan antara Nabi Sulaiman 'Alaihissalam dan Ratu Saba' merupakan episod penting dalam seni diplomasi Islam, memperlihatkan penggunaan psikologi, simbolisme, dan strategi komunikasi secara sinergis. Ratu Saba', sebaik menerima surat, tidak tergesa-gesa membala surat tersebut. Sebaliknya, beliau bermesyuarat dengan para pembesarnya:

*"Wahai para pembesar, sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia..."*

(al-Naml: 29)

*"Wahai para pembesar, berilah aku pertimbangan dalam urusanku. Aku tidak akan memutuskan sesuatu sehingga kamu hadir bersamaku."*

(al-Naml: 32)

Menurut Ibn 'Asyur (1997), pengakuan bahawa surat itu "mulia" adalah isyarat awal bahawa Ratu Saba' menghormati keupayaan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam, sekaligus membuka ruang kepada rundingan yang berasaskan penghormatan bersama. Strategi musyawarah memperlihatkan kebijaksanaan kolektif yang bukan sahaja memperkuuh legitimasi keputusan beliau, malah menampakkan kesediaan untuk berbincang, bukan berkonfrontasi. Dia mengiktiraf surat itu sebagai "surat yang mulia" menunjukkan simbol penghormatan kepada musuh sebelum berunding.

Seterusnya, sebagai ujian terhadap niat Nabi Sulaiman 'Alaihissalam, Ratu Saba' memilih untuk menghantar hadiah mewah sebagai langkah diplomatik pertama:

*"Aku akan mengirimkan hadiah kepada mereka, dan aku akan menunggu apa jawapan yang dibawa oleh utusan-utusan itu."*

(al-Naml: 35)

Menurut Ibn 'Asyur (1997), tindakan ini mencerminkan kedalaman kebijaksanaan dan ketajaman diplomatik Ratu Balqis. Beliau bukan menilai Nabi Sulaiman 'Alaihissalam melalui kekuatan tentera, tetapi melalui reaksi terhadap pemberian tersebut. Ini adalah strategi psikologi yang halus: adakah Sulaiman seorang raja yang rakus kuasa dan harta, atau seorang utusan Allah yang jujur? Tindakan ini menegaskan bahawa kebijaksanaan diplomatik terletak pada keupayaan untuk menilai watak dan membina persepsi tanpa mencetuskan konflik (Mulyadi & Firdaus, 2023).

Tafsiran ayat-ayat ini dalam karya-karya seperti al-Qurtubi (2006) dan Ibn Kathir (1999) menunjukkan bahawa Ratu Balqis memahami psikologi kuasa dan sejarah pemerintahan dengan mendalam. Menghantar hadiah, bukannya tentera, adalah langkah bijak untuk menghindari konfrontasi langsung (Imam & Soleh, 2023). Langkah ini memperlihatkan kebijaksanaan dalam rundingan dan pengurusan yang sering diabaikan dalam kajian diplomasi (Jamil, 2018).

Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menolak hadiah itu dengan penuh maruah:

*"Apakah kamu mahu memberikan kekayaan kepadaku? Maka apa yang Allah berikan kepadaku lebih baik daripada apa yang diberikan kepada kamu."*

(al-Naml: 36)

Baginda menolak hadiah itu secara langsung sambil menggariskan prinsip utama misinya: misi tauhid dan keadilan, bukannya perundingan politik yang dapat dibeli dengan kekayaan material. Al-Sya'rawi (1991) menegaskan bahawa penolakan ini bukan sekadar menolak material, tetapi lebih kepada penegasan nilai kenabian yang tidak boleh dikompromikan oleh kekayaan dunia. Dalam konteks ini, penolakan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam adalah simbolik dan strategik, memperkuuh kesedaran bahawa kuasa beliau tidak bergantung pada harta atau status dunia, tetapi pada prinsip dan wahyu Ilahi (Makruf, 2022). Sulaiman 'Alaihissalam menampilkan kekuatan "*soft power*" melalui simbolisme yang jelas, memperlihatkan bahawa kepimpinannya tidak bergantung kepada materialisme atau kekuatan tentera, tetapi kepada ketegasan moral dan kebijaksanaan.

Kedua-dua pemimpin ini, Ratu Balqis dan Nabi Sulaiman, mengamalkan pendekatan diplomatik yang hampir setara, tetapi dengan cara yang berbeza. Ratu Balqis mendekati melalui hadiah, sementara Sulaiman 'Alaihissalam membala dengan penegasan prinsip moral dan agama, membuktikan bahawa kedua-dua pendekatan ini berakar dalam strategi psikologi yang mendalam.

Seperti yang dinyatakan oleh al-Alusi (2005), Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menunjukkan prinsip ketidakbergantungan (*istighna'*) terhadap harta dunia merupakan satu signal strategik bahawa perjuangannya berasaskan ketauhidan, bukan kemegahan dunia. Sikap ini memperkuuh wibawa baginda di mata Ratu Saba' serta mengalihkan tumpuan dari hadiah kepada perbincangan nilai dan kepercayaan.

### **Psikologi Kuasa dan Kepatuhan: Diplomasi Tanpa Penaklukan**

Nabi Sulaiman mengumpulkan para pembesar lalu bertanya:

*"Wahai sekalian pembesar! Siapakah antara kamu yang sanggup membawa singgahsananya (Balqis) kepadaku sebelum mereka datang dalam keadaan berserah diri?"*

(al-Naml, 27:38)

Permintaan ini bertujuan menunjukkan kekuasaan Allah dan menguatkan kedudukan dakwah. Seorang Ifrit dari golongan jin menawarkan untuk membawa singgahsana tersebut dalam masa singkat sebelum Nabi Sulaiman 'Alaihissalam bangun dari tempat duduknya. Namun seorang lain yang memiliki "ilmu dari Kitab" (ditafsirkan sebahagian ulama sebagai Asif bin Barkhiya) berjaya membawa singgahsana tersebut dalam sekelip mata, sebelum mata Nabi Sulaiman

'Alaihissalam sempat berkedip (Al-Sallabi, 2023). Ini membuktikan kelebihan ilmu dan keizinan Allah atas mukjizat tersebut. Setelah singgahsana tiba, Nabi Sulaiman 'Alaihissalam memerintahkan agar ia diubah suai:

*"Ubahlah (sebahagian bentuk) singgahsananya; kita akan lihat adakah dia mengenalinya atau tidak."*

(al-Naml, 27:41)

Perubahan ini berfungsi sebagai ujian kebijaksanaan Balqis, selain memperlihatkan kepada baginda tanda-tanda kebesaran Allah. Apabila ditanya: *"Adakah ini singgahsanamu?"* Balqis menjawab secara berhati-hati: "

*Seakan-akan inilah dia."*

(al-Naml, 27:42)

Jawapan ini menunjukkan sifat berhati-hati dan kecerdikannya, serta membuka pintu kepada penerimaan kebenaran. Al-Razi (2003) menjelaskan bahawa tindakan ini adalah diplomasi simbolik. Bukan untuk mempermalukan Ratu Saba', tetapi memperlihatkan keajaiban Allah melalui mukjizat dan kecanggihan teknologi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam, sekaligus melembutkan hatinya.

Demonstrasi kekuasaan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam tidak terbatas pada kekuatan ketenteraan, tetapi terzahir dengan lebih halus melalui keajaiban kejuruteraan. Antaranya ialah pembinaan lantai kaca jernih di dalam istananya:

*"Dikatakan kepadanya: 'Masuklah ke dalam istana ini.' Maka ketika dia melihat lantainya, dia menyangkanya sebuah kolam air..."*

(al-Naml, 27:44)

Apabila Ratu Balqis dipersilakan masuk, dia menyangka lantai tersebut adalah air sehingga mengangkat kainnya. Nabi Sulaiman segera menjelaskan realiti sebenar lantai itu. Menurut Jamil (2018) dan Mulyadi & Firdaus (2023), kejuruteraan luar biasa ini bukan sekadar pertunjukan kehebatan teknologi, tetapi merupakan strategi diplomasi halus yang menggabungkan elemen psikologi kuasa. Ia menimbulkan rasa kagum dan penghormatan dalam diri Ratu Balqis, sekali gus melembutkan hati beliau untuk menerima ajaran Nabi Sulaiman 'Alaihissalam. Ratu Balqis akhirnya mengakui kesilapannya dan berikrar untuk tunduk kepada Allah:

*"Dia berkata: 'Ya Tuhan, sesungguhnya aku telah menyalimi diriku sendiri dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah, Tuhan seluruh alam.'"*

(Surah al-Naml, 27:44)

Pengakuan ini menandakan kemenangan sebenar diplomasi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam bukan melalui kekerasan atau perang, tetapi melalui kebijaksanaan, keajaiban teknologi, penghormatan, dan komunikasi strategik yang menyentuh hati. Al-Razi (2003) menyimpulkan bahawa pendekatan ini adalah manifestasi tertinggi prinsip *soft power* dalam diplomasi Islam: kemenangan hati dan akal, bukan sekadar dominasi politik.

Kesimpulannya, siri interaksi diplomatik antara Nabi Sulaiman 'Alaihissalam dan Ratu Balqis memperlihatkan bahawa kekuatan sebenar dalam diplomasi adalah gabungan hikmah, psikologi, komunikasi strategik, dan demonstrasi kekuasaan ilahi secara bijaksana. Pendekatan ini relevan sehingga kini sebagai model diplomatik yang menyeimbangkan prinsip moral dengan kecekapan strategik.

### **Manifestasi Keadilan sebagai Teras Diplomasi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam**

Keadilan bukan sekadar prinsip asas dalam pemerintahan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam, tetapi menjadi nadi utama dalam strategi diplomasi baginda. Al-Quran mengangkat keadilan bukan hanya sebagai mekanisme penyelesaian konflik, tetapi sebagai asas kelestarian kuasa, kestabilan sosial, dan pembentukan hubungan antarabangsa yang lestari dan dihormati.

### **Keadilan Sebagai Syarat Penganugerahan Kuasa dan Hikmah**

Dalam falsafah kepimpinan Islam, keadilan bukan sekadar ideal moral, tetapi menjadi prasyarat teologi dan epistemologi kepada penganugerahan kuasa (*mulk*) dan hikmah oleh Allah SWT. Kisah Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menjadi model paradigmatis tentang bagaimana kualiti keadilan yang tertanam dalam diri seorang pemimpin menjadikannya layak menerima autoriti dan kebijaksanaan luar biasa. Seperti yang dinyatakan dalam Surah Sad ayat 20, Allah SWT menyatakan: "Dan Kami kuatkan kerajaannya dan Kami berikan kepadanya hikmah dan kemampuan memberi keputusan (*fasl al-khitāb*)."  
(Sad: 20)

Ayat ini menekankan bahawa kekuatan pemerintahan tidak hanya bergantung kepada struktur kuasa semata-mata, tetapi juga pada dimensi hikmah dan keadilan yang mendasarinya. Tafsiran al-Razi (2003) memperlihatkan bahawa hikmah dalam ayat ini merangkumi kecerdasan rasional dan ketajaman spiritual untuk membaca realiti secara menyeluruh dan seimbang. *Fasl al-khitāb* pula merujuk kepada keupayaan membuat penilaian tuntas dalam situasi kompleks, iaitu suatu kemahiran yang sangat diperlukan dalam konteks pengurusan konflik dan perundangan. Ibn Kathir (1999) pula menegaskan bahawa kemampuan ini bukan sekadar hasil bakat semula jadi, tetapi ganjaran atas komitmen Nabi Sulaiman terhadap keadilan dan ketakwaan yang konsisten. Dua unsur ini menjadi asas kelayakan moral bagi memikul kekuasaan secara sah.

### **Keadilan Sebagai Latihan Praktikal: Kisah Dua Lelaki Bertikai**

Keadilan merupakan asas utama dalam pemerintahan Islam dan menjadi elemen penting dalam menilai kredibiliti seorang pemimpin. Kisah Nabi Sulaiman 'Alaihissalam dalam mengadili pertikaian antara dua lelaki sebagaimana dirakam dalam Surah al-Anbiya' ayat 78–79.

*"Dan (ingatlah) Daud dan Sulaiman, ketika kedua-duanya memberikan keputusan mengenai tanaman, ketika kambing-kambing kaum itu masuk merosakkannya pada waktu malam, dan Kami menyaksikan hukum yang mereka buat. Maka Kami fahamkan Sulaiman (tentang hukum itu); dan kepada masing-masing Kami berikan hikmah dan ilmu..."*

(al-Anbiya': 78–79)

Ayat ini merujuk kepada suatu pertikaian melibatkan dua lelaki, salah seorang daripadanya memiliki kebun tanaman manakala seorang lagi memiliki ternakan kambing. Kambing-kambing itu telah menceroboh masuk ke dalam kebun pada waktu malam dan menyebabkan kerosakan yang besar. Kes ini dibawa kepada Nabi Daud 'Alaihissalam, yang pada awalnya

memutuskan agar kambing-kambing itu diserahkan sepenuhnya kepada pemilik kebun sebagai ganti rugi atas kerugian yang dialami.

Walau bagaimanapun, Nabi Sulaiman 'Alaihissalam yang ketika itu masih muda, memberikan cadangan penyelesaian yang berbeza. Menurut Ibn Kathir (1999), Nabi Sulaiman mencadangkan agar kambing-kambing tersebut diserahkan secara sementara kepada pemilik kebun untuk dimanfaatkan (melalui hasil susu, bulu dan sebagainya), sementara pemilik kambing dikehendaki memulihkan kebun tersebut. Setelah kebun dikembalikan ke keadaan asal, kedua-dua pihak akan memperoleh kembali harta masing-masing.

Pandangan ini dianggap lebih adil dan seimbang kerana ia mengelakkan kehilangan harta secara kekal, memberikan nilai pampasan sementara kepada mangsa kerugian, dan menggalakkan pemulihan dan tanggungjawab sosial daripada pihak yang menyebabkan kerosakan.

Menurut al-Tabari (2007), kisah ini menunjukkan bahawa keadilan bukan semata-mata bermaksud memberi ganti rugi, tetapi menuntut pertimbangan maslahat dan pemulihan bersama. Al-Qurtubi (2006) pula menekankan bahawa tindakan Nabi Sulaiman menunjukkan tahap kebijaksanaan yang tinggi dalam mempertimbangkan kesan jangka panjang terhadap kedua-dua pihak.

Al-Razi (2003) menyatakan bahawa hikmah (kebijaksanaan) yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman memperlihatkan konsep tafaqquh (pemahaman mendalam) dalam mentadbir hukum. Allah SWT mengiktiraf keputusan Sulaiman sebagai lebih tepat, tanpa menafikan kebijaksanaan ayahandanya, Nabi Daud 'Alaihissalam.

### Keadilan sebagai Asas Diplomasi Global: Teladan daripada Nabi Sulaiman

Diplomasi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam memperlihatkan satu kerangka kepimpinan profetik yang unik berlandaskan keadilan sebagai prinsip teras dalam membina hubungan antarabangsa. Di tengah realiti geopolitik moden yang sering dipengaruhi oleh strategi kekuasaan dan kepentingan sempit, pendekatan Nabi Sulaiman muncul sebagai paradigma alternatif yang menekankan integriti, hikmah, dan kesaksamaan antara tamadun.

Menurut Rahmat (2023), keadilan dalam pentadbiran Baginda tidak bersifat eksklusif kepada urusan dalaman, sebaliknya diperluas ke medan antarabangsa melalui dasar luar yang inklusif dan beretika. Strategi ini memperkuuh jaringan diplomatik yang bukan hanya bersifat pragmatik, tetapi juga berteraskan penghormatan sejagat telah mengangkat Baginda sebagai sosok pemimpin yang dikagumi kawan dan lawan.

Al-Quran merakamkan dimensi ini dalam Surah Sad ayat 20, yang menggambarkan bahawa Nabi Sulaiman dikurniakan hikmah dan fasl al-khiṭab, suatu simbolik kepada keupayaan membuat keputusan yang adil, telus dan bebas daripada tekanan luaran. Tafsiran al-Razi (2003) dan Ibn Kathir (1999) menunjukkan bahawa anugerah ini menzahirkan keseimbangan antara ketajaman intelektual dan kepekaan moral. Dua ciri ini penting dalam seni diplomasi Islam.

Realiti ini turut tercermin dalam kes keadilan yang dilaksanakan oleh Nabi Sulaiman sebagaimana dalam Surah Sad (22–24) dan Surah al-Anbiya' (78–79). Dalam situasi ini, Baginda tidak sekadar menyelesaikan pertikaian secara literal, tetapi mengungkap prinsip keadilan substantif iaitu yang mempertimbang aspek pemulihan sosial dan pencegahan kerosakan jangka panjang. Al-Baghawi (2002) dan al-Tabari (2007) menekankan bahawa

pendekatan ini menunjukkan keupayaan Baginda menyesuaikan keputusan hukum dengan realiti kehidupan, suatu dimensi yang amat diperlukan dalam hubungan antarabangsa.

Lebih penting, kepimpinan Baginda menolak dikotomi antara etika dan strategi yang menjadi asas kepada doktrin realpolitik. Sebaliknya, Nabi Sulaiman membuktikan bahawa nilai moral boleh berfungsi sebagai instrumen kekuasaan yang sah dan efektif. Pandangan ini seiring dengan Mulyadi dan Firdaus (2023) yang menegaskan bahawa gabungan keadilan dan kebijaksanaan membentuk asas kestabilan dan kepercayaan global yang merupakan unsur yang semakin hilang dalam diplomasi moden.

Al-Mawardi (2006) turut menegaskan bahawa keadilan merupakan prasyarat utama kepada legitimasi politik. Tanpa asas ini, kuasa hanya bertahan dalam bentuk ilusi yang bergantung kepada paksaan atau manipulasi. Sebaliknya, keadilan membina daya tahan negara terhadap tekanan geopolitik, sekaligus menjadikan hubungan antarabangsa lebih seimbang dan berorientasikan nilai.

Keseluruhannya, model diplomasi Nabi Sulaiman bukan hanya relevan sebagai warisan sejarah, tetapi wajar dijadikan asas dalam merangka dasar luar kontemporari yang lebih berperikemanusiaan dan berprinsip. Dalam dunia yang kian kompleks dan terpolarisasi, pendekatan Baginda menawarkan satu jalan Tengah yang menggabungkan hikmah, keadilan dan maruah sebagai tonggak diplomasi global yang lestari.

### **Kekuasaan Material dan Diplomasi Ekonomi**

Dalam arena diplomasi, kebijaksanaan kata-kata dan strategi psikologi sahaja tidak memadai tanpa pengurusan sumber daya dan kekuatan ekonomi yang berkesan. Nabi Sulaiman 'Alaihissalam tampil sebagai contoh unggul dalam mengintegrasikan kebijaksanaan, kekuasaan material, dan ketangkasan diplomatik. Baginda bukan sahaja memiliki hikmah yang luas, bahkan dikuasai pelbagai sumber yang memperkuuhkan kedudukan geopolitik kerajaannya.

### **Kekuasaan Material sebagai Asas Kepimpinan Global**

Kelebihan luar biasa yang dianugerahkan kepada Nabi Sulaiman 'Alaihissalam seperti kawalan terhadap angin, tenaga kerja jin, serta pengurusan sumber semula jadi seperti tembaga, merupakan refleksi pencapaian teknologi dan kemahiran pentadbiran yang mendahului zamannya. Firman Allah SWT dalam Surah Saba' menyatakan:

*"Dan (Kami tundukkan) bagi Sulaiman angin yang perjalannya pada waktu pagi sebulan dan pada waktu petang sebulan. Dan Kami alirkan untuknya mata air tembaga. Dan sebahagian jin bekerja di hadapannya dengan izin Tuhan..."*  
(Saba', 34:12)

Tafsiran al-Razi (2003) dan al-Alusi (2005) menjelaskan bahawa elemen-elemen kekuasaan ini bukan hanya simbol kekuatan fizikal, tetapi menunjukkan kemampuan baginda dalam membina sistem pentadbiran dan ketenteraan yang sistematik, strategik dan berorientasikan matlamat dakwah. Kekuasaan ini bukan dimanifestasikan dalam bentuk penaklukan atau keangkuhan, tetapi diselaraskan dengan misi kenabian untuk mewujudkan keamanan, keadilan dan kesejahteraan sejagat.

Pendekatan Sulaiman 'Alaihissalam memperlihatkan bagaimana pengurusan sumber secara etis dan berdasarkan tauhid dapat menjana kestabilan politik dan membina persepsi global terhadap

kerajaan Islam sebagai kuasa yang matang dan berwibawa. Dengan menjadikan kekuasaan material sebagai instrumen dakwah dan bukan sebagai tujuan, kepimpinan baginda menggabungkan dimensi spiritual dan pragmatik secara seimbang.

### Diplomasi Ekonomi sebagai Strategi Hubungan Luar

*"Para jin itu membuat untuk Sulaiman apa yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan tinggi, patung-patung, bejana sebesar kolam, dan periuk-periuk yang tetap (berada di atas tungku).."*

(Saba', 34:13)

Menurut Ibn Kathir (1999), pembinaan infrastruktur megah seperti istana-istana besar oleh Nabi Sulaiman 'Alaihissalam adalah manifestasi kekuatan negara dari aspek kestabilan politik dan kemajuan ekonomi. Ia menjadi alat komunikasi strategik yang menzahirkan imej kerajaan Islam sebagai kuasa besar yang bukan sahaja layak dihormati, tetapi juga dijadikan sekutu. Dalam konteks diplomasi moden, pendekatan ini bersifat signifikan yang menunjukkan bahawa pembangunan fizikal dan ekonomi bukan sekadar untuk kegunaan dalaman, tetapi juga sebagai medium pembentukan persepsi dan pengaruh antarabangsa.

Kehebatan ini tidak berakar pada keangkuhan, sebaliknya merupakan sebahagian daripada strategi membentuk persepsi global terhadap keunggulan dakwah Islam. Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mengajarkan bahawa kekayaan dan pembangunan material perlu diurus dengan prinsip amanah, bukan sekadar mengejar status dunia, tetapi sebagai wasilah memperkuuh tamadun dan menyampaikan risalah ilahi.

Seiring dengan pandangan Rahmat (2023) dan Nafal et al. (2024), pendekatan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam ini memberikan pelajaran penting untuk diplomasi moden: kekuasaan ekonomi dan infrastruktur hendaklah digunakan secara bijaksana untuk membina hubungan antarabangsa yang bermaruah, berlandaskan nilai moral, serta bersandarkan keredaan Allah SWT.

### Penghujung Kuasa: Tawaduk dan Ketundukan kepada Allah

Kisah Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menampilkkan satu hakikat yang mengatasi segala pencapaian diplomatik dan kekuasaan: bahawa seluruh kejayaan dunia tetap tunduk di bawah kekuasaan mutlak Allah SWT. Sebagai seorang nabi, raja, dan diplomat, baginda tidak pernah terpesona dengan kehebatan yang dianugerahkan, malah sentiasa menzahirkan rasa rendah hati dan keinsafan.

### Tawaduk Sebagai Teras Kepimpinan Diplomatik

Dalam Surah al-Naml (27:40), Nabi Sulaiman menyatakan: *"Ini adalah dari kurnia Tuhanku untuk mengujiku, apakah aku bersyukur atau kufur."* Ucapan ini bukan sekadar pengiktirafan terhadap sumber nikmat, tetapi manifestasi kepekaan rohani terhadap tanggungjawab seorang pemimpin. Menurut al-Tabari (2007), kenyataan tersebut menggambarkan kesedaran mendalam bahawa kuasa bukan milik mutlak, sebaliknya satu amanah yang bakal diuji.

Ujian terhadap kecintaannya kepada kuda-kuda dalam Surah Sad (38:30–33) memperlihatkan bagaimana keutamaan baginda bukan pada simbol prestij, tetapi pada keberkesanan dakwah. Bahkan dalam doanya yang masyhur (Sad: 38:35), permintaan baginda bukan semata-mata untuk kerajaan luar biasa, tetapi kekuasaan yang berpaksikan keampunan dan keredhaan Ilahi, malah satu bentuk kepimpinan yang tidak dicemari keangkuhan.

Dalam konteks era pasca-kebenaran, pendekatan Nabi Sulaiman adalah berdasarkan ilmu, verifikasi dan kejujuran serta menawarkan model diplomasi yang bebas daripada manipulasi dan kepalsuan. Sebagaimana dinyatakan oleh Nahar et al. (2024), pendekatan baginda bersifat rentas zaman dan berpotensi membentuk etika diplomasi sejagat berteraskan nilai-nilai insan dan spiritual.

### Kematian Nabi Sulaiman: Lambang Keterbatasan Insani

Allah SWT berfirman:

*“Maka ketika Kami telah menetapkan kematian baginya (Nabi Sulaiman), tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematian itu kecuali seekor binatang dari bumi yang memakan tongkatnya. Maka ketika ia telah roboh, nyatalah bagi jin bahawa sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib, tentulah mereka tidak tinggal dalam azab yang menghinakan itu.”*

(Surah Saba': 14)

Para mufassir seperti Ibn Kathir (1999), al-Qurtubi (2006) dan al-Alusi (2005) menegaskan bahawa Nabi Sulaiman 'Alaihissalam wafat dalam keadaan bersandar pada tongkatnya, tanpa disedari oleh jin yang berkhidmat di bawah pemerintahannya. Tubuh baginda hanya rebah apabila tongkatnya reput dimakan anai-anai. Peristiwa ini membuktikan bahawa ilmu makhluk, termasuk jin yang dianggap mengetahui perkara ghaib, tetap terbatas. Kuasa manusia, sehebat mana pun, hakikatnya hanya pinjaman sementara daripada Allah, dan bila-bila masa sahaja boleh ditamatkan oleh-Nya (Ghani, 2023).

Peristiwa ini juga secara simbolik meruntuhkan mitos ketakjuban terhadap kehebatan luar bahawa kerajaan sehebat manapun boleh terhenti dengan satu isyarat kecil daripada Allah. Ia menjadi kritikan halus terhadap pemimpin yang menyangka diri mereka tidak tergugat.

Akhir perjalanan kepimpinan Nabi Sulaiman bukan ditutup dengan kemegahan, tetapi dengan kesedaran bahawa segala kuasa akan dipersoal di hadapan Allah. Kisah Nabi Sulaiman menyerahkan bahawa kejayaan diplomatik dalam Islam tidak diukur pada pengaruh politik atau kekuatan ketenteraan, tetapi pada sejauh mana pemimpin mampu menginsafi keterbatasan dirinya dan tunduk kepada Pencipta. Model diplomasi baginda bukan sekadar sejarah, tetapi cerminan ideal kepimpinan yang berakar pada nilai ruhani dan orientasi akhirat.

### Kesimpulan

Nabi Sulaiman 'Alaihissalam mewakili satu model diplomasi kenabian yang menggabungkan prinsip kebijaksanaan, keadilan, komunikasi strategik, serta kesetiaan mutlak kepada wahyu ilahi. Diplomasi baginda bukan sahaja berlandaskan kekuatan material atau dominasi kuasa, tetapi berteraskan nilai moral dan spiritual yang mengutamakan kebenaran dan kesejahteraan bersama.

Kajian ini membuktikan bahawa al-Quran tidak sekadar merekodkan naratif sejarah, bahkan mengemukakan satu kerangka konseptual dalam hubungan antarabangsa yang berteraskan etika wahyu. Strategi Nabi Sulaiman 'Alaihissalam memperlihatkan keutamaan kepada pemerolehan maklumat yang sahih, ketajaman analisis psikologi terhadap pihak lawan, serta penggunaan simbolisme yang berhemah dalam mengurus persepsi politik.

Diplomasi baginda menolak segala bentuk manipulasi atau provokasi, sebaliknya menzahirkan pendekatan yang menyeimbangkan antara ketegasan prinsip dengan kelunakan komunikasi.

Dalam konteks kontemporari yang dibelenggu oleh konflik ideologi dan ketidakstabilan geopolitik, model ini menawarkan alternatif yang bukan sahaja berkesan, malah berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

Secara praktikal, pendekatan diplomatik Nabi Sulaiman 'Alaihissalam relevan untuk diaplikasikan dalam menangani isu-isu semasa seperti penyebaran maklumat palsu, pergeseran kuasa, dan ketegangan antara negara. Nilai Quranik yang mendasari tindakan baginda membentuk asas kepada satu pendekatan diplomasi yang lestari, adil dan inklusif.

Kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan, sama ada melalui pendekatan perbandingan dengan tokoh kepimpinan lain dalam sejarah Islam, atau melalui analisis wacana terhadap amalan diplomatik kontemporari. Potensi pengaplikasian prinsip ini dalam membentuk dasar luar negara moden wajar diterokai secara lebih mendalam.

Akhirnya, pengalaman diplomatik Nabi Sulaiman 'Alaihissalam menegaskan bahawa kejayaan dalam kepimpinan dan hubungan antarabangsa bergantung kepada integrasi nilai ketuhanan dengan keperluan realiti dunia. Diplomasi berasaskan keimanan ini membuktikan bahawa kekuatan sebenar bukan terletak pada kekuasaan material, tetapi pada keadilan, kebijaksanaan, dan ketaatan yang ikhlas kepada Allah SWT.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menara Rezeki Sdn. Bhd. (MRSB) atas sokongan dan sumbangan melalui geran penyelidikan industri yang telah merealisasikan pelaksanaan projek *Sulaiman's Orientated Leadership & Innovative Diplomacy* (SOLID) Q0017-UPNM/2025/PI/SS/01. Komitmen MRSB dalam menyokong pembangunan ilmu dan inovasi amat dihargai. Semoga kerjasama ini terus memberi manfaat kepada masyarakat dan kemajuan penyelidikan.

### **Rujukan**

- Al-Alusi, S. M. (2005). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-Azim wa al-Sab' al-Mathani* (Cet. 2). Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Baghawi, H. ibn M. (2002). *Ma'alim al-Tanzil* (Cet. 1). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardī, A. H. (2006). *Al-Ahkām al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* (Cet. ke-3). Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li-Ahkām al-Qurān* (Cet. 1). Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Razi, F. al-D. M. (2003). *Al-Tafsir al-Kabir*. Kaherah: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyah.
- Al-Sallabi, 'A. M. (2023). *Al-Anbiya' al-Muluk: Dawud wa Sulayman 'alayhima al-salam*. Istanbul: Dar al-Asalah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Sya'rawi, M. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi*. Dar Akhbar Al-Youm – Qito' al-Thaqafa.
- Al-Tabari, M. (2007). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qurān* (Cet. 2). Kaherah: Dar al-Salam.
- Berridge, G. R. (2015). *Diplomacy: Theory and practice* (5th ed.). Basingstoke, United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Ghani, M. H. (2023). *The concept of gratitude in the implementation of development by the Prophet Sulayman (PBUH): An analysis of selected Quranic verses*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13(12), 1595–1605.  
<http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i12/20058>
- Hasan, M. A., Jaafar, M. A., Mokhtar, A. I., Puteh, A., Aini, Z., & Abdul Ghani, M. Z. (2014). *Leadership skills in the story of Prophet Sulaiman 'Alaihissalam with hud-hud (Hoopoe bird)*. Al-Hikmah, 6(2), 119–128.
- Ibn 'Asyur, M. A. T. (1997). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar Sahnoun li Nasyr wa Tawzi'.

- Ibn Kathir, I. U. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim* (Cet. 2). Beirut: Dar Tayyibah.
- Imam, J. S. N., & Soleh, K. (2023). *Stylistic analysis on the story of the Qur'an: Study of the story of the Queen of Saba in Al-Naml verses 20–44*. Journal of Ulumul Qur'an and Tafsir Studies, 2(1), 31–50. <https://doi.org/10.54801/juquts.v2i1.176>
- Jamil, M. (2018). *Implementasi nilai-nilai solidaritas semut dan Nabi Sulaiman dalam surat Al-Naml pada pendidikan agama Islam*. Edupedia: Jurnal Studi Pendidikan dan Pedagogi Islam, 2(2), 85–95. <https://doi.org/10.35316/edupedia.v2i2.334>
- Makruf, S. A. (2022). *Pendidikan Islam berbasis profetik dalam kisah Nabi Sulaiman*. Hikmah: Jurnal Pendidikan Islam, 11(1), 174–187.
- Melissen, J. (Ed.). (2005). *The new public diplomacy: Soft power in international relations*. Basingstoke, United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Mulyadi, D., & Firdaus, M. Y. (2023). *Revitalisasi kriteria pemimpin Qurani bagi bangsa Indonesia*. Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin, 3(3), 319–331. <http://dx.doi.org/10.15575/jpiu.v3i3.30748>
- Nafal, Q., Kojin, K., Tanzeh, A., & Fuadi, I. (2024). *Kepemimpinan profetik Nabi Sulaiman*. Jurnal Manajemen dan Pendidikan Agama Islam, 2(5), 113–131. <https://doi.org/10.61132/jmpai.v2i5.496>
- Naseha, N., Gunawan, W., & Syihabuddin, S. (2020). *Analisis genre pada kisah Ratu Balqis dalam Al-Quran*. Jurnal Penelitian Pendidikan, 20(3), 438–444. <https://doi.org/10.17509/jpp.v20i3.30607>
- Rahmat, F. (2023). *Replika servant leadership pada kepemimpinan Nabi Sulaiman dalam QS. An-Naml ayat 20–22 untuk reparasi pendidikan*. Akademika: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam, 5(1), 74–90. <https://doi.org/10.51339/akademika.v5i1.875>
- Ramli, M. F.M., Othman, M. S., Hajimaming, P., & Wan Sulong, W. M. (2022). ‘*Anasir al-Tafsir al-Naqidi ‘inda Sayyidina Ibrahim fi al-Qissati al-Quraniyyah*. QURANICA - International Journal of Quranic Research, 14(1), 98–125.
- Razak, A., & Tanzeh, A. (2024). *Konseptualisasi fungsi-fungsi manajemen pendidikan profetik dalam Al-Quran; Kajian ayat-ayat kisah Nabi Sulaiman A.S*. Re-JIEM (Research Journal of Islamic Education Management), 7(1), 18–32. <https://doi.org/10.19105/re-jiem.v7i1.13612>.
- Tschannen-Moran, M. (2004). *Trust matters: Leadership for successful schools*. San Francisco, California: Jossey-Bass.